

JABATAN KESIHATAN AWAM & PERKHIDMATAN PERBANDARAN

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

KOMPLEKS MDPT,

32610 SERI ISKANDAR, PERAK DARUL RIDZUAN.

NO.TEL : 05-3712088 / 014, NO. FAKS : 05-3712089

e-mail : admin@mdpt.gov.my , WEB : <http://www.mdpt.gov.my>**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PERMIT KAKI LIMA**

SILA LENGKAPKAN SENARAI SEMAK INI BESERTA DOKUMEN MENGIKUT SUSUNAN.

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH BERHAK MENOLAK MANA-MANA BORANG PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP.

BIL.	DOKUMEN	DIISI OLEH PEMOHON TANDAKAN (/)	KEGUNAAN PEJABAT
1.	Borang Komposit MDPT (L) / 8	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Lesen Premis Yang Dimohon	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Gambar Laluan Kaki Lima (3 Gambar Penjuru Berbeza)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Gambar Tong Sampah Di Premis Perniagaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Gambar Bendera Malaysia dan Perak Di Premis Perniagaan Yang Telah Dikibarkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

KETERANGAN :

1. Borang ini hendaklah diisi dengan HURUF BESAR dan ditanda (/) dalam kotak-kotak yang disediakan. Kosongkan mana-mana yang tidak berkenaan.
2. Pemohon perlu mengemukakan **sesalinan bagi setiap dokumen yang diperlukan.**
3. **Pemohon hendaklah datang sendiri untuk menyerahkan semua dokumen di Pejabat MDPT.**

Cop Jabatan :

BORANG PERMOHONAN PERMIT KAKI LIMA**BAHAGIAN I : BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama Pemohon :
2. No. Kad Pengenalan :
3. No. Telefon :
4. Alamat Surat Menyurat :

BAHAGIAN II : BUTIR-BUTIR PERNIAGAAN

1. Alamat Premis Perniagaan :
2. No. Akaun Lesen Perniagaan :
3. Jenis Perniagaan Yang Dijalankan Atas Kaki Lima :

RAK MUDAH ALIH

GANTUNG

Nota :

- Hanya jenis perniagaan kering sahaja yang dibenarkan.
- 3 kaki bagi keluasan yang dibenarkan untuk perniagaan dan 2 kaki untuk laluan orang awam.

BAHAGIAN III : AKU JANJI / PERAKUAN PEMOHON

1. Saya akui semua maklumat yang diberi adalah benar belaka dan jika didapati palsu, Yang Dipertua Majlis Daerah Perak Tengah berhak menolak permohonan ini ataupun menarik balik lesen yang telah dikeluarkan kepada saya.
2. Saya juga berjanji tidak akan menukar atau menambah aktiviti perniagaan saya kecuali mendapat kelulusan Yang Dipertua Majlis Daerah Perak Tengah terlebih dahulu. Saya akan memaklumkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Perak Tengah, jika saya memberhentikan perniagaan atau perniagaan saya berpindah ke tempat lain dan saya juga akan memastikan perniagaan saya tidak mengganggu laluan orang awam seperti mana syarat menetapkan supaya 3 kaki adalah kawasan niaga dan 2 kaki adalah laluan awam.
3. Saya berjanji akan mematuhi segala syarat dan kehendak Majlis yang berkaitan dengan pengeluaran lesen. Jika saya gagal berbuat demikian, maka tindakan Undang-Undang termasuk menarik balik atau membatalkan lesen saya boleh diambil oleh Majlis tanpa sebarang notis lagi.
4. Selain itu, saya berjanji akan menjaga kebersihan premis perniagaan saya termasuk mengadakan tong sisa pepejal jenis beroda berkapasiti 240 liter bagi aspek penjagaan kebersihan kepada kesihatan awam dan saya rela diambil tindakan sekiranya saya gagal untuk berbuat demikian.
5. Bahawa saya mengakui dan akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kejadian atau kemalangan yang melibatkan secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan meletakkan perniagaan di atas kakilima dan saya tidak akan melibatkan Majlis Daerah Perak Tengah ke atas sebarang tuntutan dari saya atau pihak ketiga berhubung dengan tindakan saya ini.

Tandatangan Pemohon

NAMA :
NO. K/P :
TARIKH :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Diterima pada :

Cop Penerima :

LAMPIRAN A

SYARAT PERMOHONAN PERMIT KAKI LIMA

1. Sebarang aktiviti bengkel tidak dibenarkan.
2. Permit bersifat sementara dan boleh dibatalkan bila-bila masa oleh Yang Dipertua atau pegawainya.
3. Antara barang niaga yang dibenar untuk diletakkan di kaki lima tersebut adalah :-
 - Kedai buku
 - Kedai kasut
 - Kedai barangan logam
 - Kedai pakaian
 - Kedai runcit
 - Kedai barangan kering
 - Kedai barangan elektrik
 - Kedai perabot
 - Kedai permaidani
 - Kedai barangan plastik
 - *Vanding machine* (air, roti, surat khabar dll)
4. 3 kaki bagi keluasan yang dibenarkan dan 2 kaki merupakan laluan kepada orang awam atau pemohon menyediakan ruang laluan orang awam bagi tujuan kegunaan orang awam.
5. Barang perniagaan yang di gantung hendaklah melebihi 6 kaki dari paras lantai.
6. Dilarang melakukan sebarang aktiviti memasak, menggoreng, membakar, merebus, membuat air dan yang berkaitan dengannya.
7. Dilarang membina apa-apa struktur kekal ataupun sementara di kaki lima.
8. Dilarang meletakkan barangan perniagaan di atas longkang atau bahu jalan.
9. Pengusaha atau pemegang lesen adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan tiada sebarang aduan dan permasalahan berhubung penggunaan kaki lima.
10. Sekiranya dalam tempoh pemberian permit perniagaan di atas kaki lima ini terdapat aduan, atau apa-apa kacauganggu kepada premis berhampiran atau mana-mana orang awam atau persekitaran, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan mengikut peruntukan yang ada dan permit yang diberikan akan dibatalkan.
11. Pihak Majlis Daerah PerakTengah, tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos kerosakan, perpindahan atau kemalangan kepada peniaga, pelanggan atau mana-mana orang awam sekiranya berlaku sepanjang tempoh pemberian permit perniagaan di atas kaki lima ini. Pihak pengusaha juga tidak boleh mengemukakan sebarang tuntutan, bayaran atau yang berkaitan kepada pihak Majlis Daerah Perak Tengah terhadap apa-apa permasalahan yang berlaku sepanjang tempoh pemberian permit ini.
12. Peniaga yang ingin memohon permit perniagaan di atas kaki lima ini, perlu menandatangani Surat Akuan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah berhubung peruntukan syarat dan pihak peniaga perlu bertanggungjawab terhadap apa-apa kemalangan yang mungkin berlaku disebabkan oleh perletakkan barang di atas kaki lima ini.
13. Hanya pemilik premis berlesen sahaja yang dibenarkan untuk memohon permit kaki lima dan perkara tersebut tidak boleh dipindah milik atau menyewakan kepada penama lain.
14. **Permit yang diberi perlu diperbaharui setiap bulan.**
15. Mematuhi undang-undang dan arahan pihak Majlis Daerah Perak Tengah dari semasa ke semasa.

SURAT AKUAN BERKANUN

Saya _____

No.K.P _____ yang beralamat di _____

_____ dan menjalankan perniagaan di _____

(selepas ini dirujuk sebagai "**Premis tersebut**") dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa :

- 1) Saya hanya akan menggunakan 3 kaki bagi keluasan yang dibenarkan dan 2 kaki merupakan laluan kepada orang awam atau saya menyediakan ruang laluan orang awam bagi tujuan kegunaan orang awam di hadapan Premis tersebut seperti yang dinyatakan dalam kebenaran yang diberikan dalam permit perniagaan di kaki lima;
- 2) Saya bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aduan mengenai penggunaan kaki lima di hadapan Premis tersebut;
- 3) Sekiranya sepanjang tempoh pemberian permit perniagaan di kaki lima premis tersebut, terdapat sebarang aduan atau apa-apa kacauganggu kepada premis berhampiran, atau orang-orang awam atau persekitaran, tindakan penguatkuasaan oleh Majlis Daerah Perak Tengah (selepas ini dirujuk sebagai "**MDPT**") akan dikenakan menurut peruntukan undang-undang yang berkaitan dan permit perniagaan tersebut boleh dibatalkan;
- 4) Pihak MDPT tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang liabiliti dan tuntutan bagi sebarang kos yang berkaitan kerosakkan, perpindahan atau kemalangan sekiranya ada sepanjang tempoh pemberian permit perniagaan di atas kaki lima;
- 5) Saya juga tidak akan mengemukakan sebarang tuntutan, bayaran atau apa-apa kos berkaitan kepada pihak MDPT terhadap sebarang permasalahan yang berlaku sepanjang tempoh pemberian permit ini;
- 6) Saya sesungguhnya faham dan mematuhi syarat seperti dilampiran A; dan
- 7) Saya berjanji akan mematuhi arahan yang diberikan/dikeluarkan oleh MDPT dari semasa ke semasa.

Saya membuat akaun ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini benar, serta menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas
.....
di alamat perniagaan
pada20

Dihadapan saya,

.....
(Tandatangan, Majistret
atau Pesuruhjaya Sumpah)

